

20/07/2005

Umno-Zainuddin (Rafidah)

SAYA TIADA NIAT BURUK TERHADAP RAFIDAH, KATA ZAINUDDIN

KUALA LUMPUR, 20 Julai (Bernama) -- Timbalan Menteri Penerangan Datuk Zainuddin Maidin berkata beliau tidak mempunyai sebarang niat buruk terhadap Datuk Seri Rafidah Aziz apabila beliau meminta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri itu memohon maaf kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berhubung isu Permit Import (AP).

"Saya tidak mempertikaikan siapa yang dapat atau tidak dapat AP. Saya kesal dengan cara kurang sopan beliau menjawab isu yang dibangkitkan oleh Dr Mahathir mengenai kebimbangannya terhadap Proton," katanya kepada pemberita di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Zainuddin berkata beliau percaya Rafidah telah melukakan hati Dr Mahathir dan rakyat yang menyayangi bekas Perdana Menteri itu dengan cara beliau menjawab isu AP itu di akhbar.

Timbalan Menteri itu berkata, ketika beliau di KLCC dan Ampang Park semalam, beliau telah didatangi oleh beberapa orang termasuk orang bukan Melayu yang menyokongnya kerana menggesa Rafidah supaya memohon maaf kepada Dr Mahathir.

"Ada satu India kata, Datuk sudah jalankan tugas Datuk. Saya kata apa dia? Tidak, tidak, Datuk sudah katakan apa yang kami ingin katakan. I rasa kamu semua (wartawan) juga mempunyai perasaan yang sama," katanya.

Zainuddin berkata Rafidah adalah seorang yang bijak dan berkebolehan dan tidak ada sesiapa yang menafikan perkara itu.

Beliau berkata Rafidah telah mengukuhkan Wanita Umno dan berpotensi menjadi seorang Perdana Menteri.

"Saya tidak katakan beliau seorang yang kurang ajar," katanya.

Bagaimanapun, beliau merasakan bahawa Rafidah tidak sepatutnya menjawab isu AP itu seperti yang telah dijawabnya dalam akhbar.

Ditanya sama ada wajar atau tidak seorang timbalan menteri meminta seorang menteri senior memohon maaf secara terbuka, Zainuddin berkata: "Tidak, saya tak fikir ada salahnya (meminta sedemikian) kerana saya tidak mempunyai kepentingan lain. Saya tidak dapat AP atau apa juga. Saya cuma menyatakan pandangan saya, samalah seperti beliau memberikan pandangannya."

"Saya menyatakannya secara profesional, sebagai bekas wartawan. Saya tidak menyimpan apa-apa niat buruk...tidak ada apa sehinggalah hari ini dan itulah pendirian saya," kata beliau.

Zainuddin menegaskan bahawa Rafidah patut memohon maaf kepada Dr Mahathir dan kesal kerana beliau enggan berbuat demikian.

Semalam, Rafidah memberitahu wartawan bahawa beliau tidak perlu memohon maaf mengenai perkara itu.

-- BERNAMA
SYZ AFY KHY